

# UMNO, BN tiada masa depan

ms: 4  
BH - 26/11/2019

**Lipis:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat perlu berasa malu untuk terus menyokong UMNO dan Barisan Nasional (BN) yang didakwa terkenal dengan bekas presiden kleptokratnya.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu berkata, kedua-dua parti itu bukan saja ditolak rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) lalu, malah bekas presiden parti itu, Datuk Seri Najib Razak, yang didakwa atas berpuluh tuduhan salah guna kuasa ketika pemerintahannya turut ditolak ahli parti sendiri.

## Tiada masa depan

“Dalam PRU-14, BN buat kali pertama ditolak kerana dipimpin seorang penyangak, satu dunia tahu dan panggil dia kleptokrat, itulah nama diberi kepada Najib.

“Tak malukah kita (sokong Najib lagi). Sebab itu kita semua buang Najib daripada jadi perdana menteri dan UMNO pula buang Najib daripada jadi presiden parti,” katanya di sini, semalam.

Dr Mahathir yang pernah menjadi Presiden UMNO selama 22 tahun, turut menzahirkan keyakinan parti tertua negara itu bersama-sama parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak mempunyai masa depan dalam landskap politik negara. **BERNAMA**